



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 1 DISEMBER 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	HEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PENTERNAK KAMBING DIDENDA RM5,000, NEGERI P.PINANG. SH -26	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
2.	SASAR 500,000 PELADANGNITA, 200,000 PELADANG MUDA, DALAM NEGERI, UM -30	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
3.	NAFAS TEKAD LAHIRKAN 500,000 PELADANGNITA, NEGARA, KOSMO -4	
4.	MARTABATKAN WANITA, ORANG MUDA, NASIONAL, SH -7	
5.	SEKTOR PERTANIAN RUGI RM12 JUTA AKIBAT BANJIR, NEGERI KUALA TERENGGANU, SH -28	LAIN-LAIN
6.	TENGGUJUH, SEKTOR PERTANIAN RUGI RM12 JUTA, NEGARA, KOSMO -5	
7.	SEKEJAP ADA TELUR, SEKEJAP TAK ADA TELUR, SEMASA, SH -16	
8.	KENAKAN DENDA BERJUTA-JUTA RINGGIT JIKA SOROK TELUR, FORUM, UM -18	
9.	TAHUN DEPAN BELUM TENTU ADA TELUR, NEGARA, KOSMO -16	
10.	ISU TELUR DIDAKWA UNTUK BERI TEKANAN KEPADA KERAJAAN, NEGARA, KOSMO -16	
11.	INOVASI MERUBAH LANDSKAP TERNAKAN UDANG KOMERSIAL, GAYA INOVASI, UM -26	
12.	IMPAK ALAM SEKITAR, GAYA INOVASI, UM -27	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

1/12/2022

SINAR

NEGERI

26

HARIAN

P. PINANG

Penternak kambing didenda RM5,000

BUKIT MERTAJAM - Seorang penternak kambing didenda RM5,000 oleh Mahkamah Majistret di sini pada Rabu, selepas mengaku bersalah memindah 20 ekor kambing jantan hidup tanpa kebenaran Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang pada Oktober lepas.

S Davamaran, 42, membuat pengakuan berkenaan selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan oleh jurubahasa di hadapan Majistret Mohd Harith Mohd Mazlan.

Lelaki itu didakwa memindahkan 20 ekor kambing jantan hidup di Jalan Ara Kota di sini dengan menggunakan kenderaan lori bernombor pendaftaran PJW2145 tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar atau mana-mana pihak berkuasa veterinar pada 21 Oktober lepas, lebih kurang jam 6.30 petang.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di bawah

FOTO: BERNAMA



Davamaran (kiri) didenda RM5,000 oleh Mahkamah Majistret Bukit Mertajam pada Rabu selepas mengaku salah memindah 20 ekor kambing tanpa kebenaran pada Oktober lepas.

Perintah 4 (1)(a) Perintah Haiwan (Kawalan dan Pembasmian Contagious Abortion serta Penyakit Kuku dan Mulut) 2003 perintah bawah Subseksyen 36(1)(c)(i) Akta Binatang 1953 yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM15,000.

Mohd Harith juga memerintahkan agar wang cagaran 20 ekor kambing

bernilai RM6,000 dilucutkan hak kepada Jabatan Veterinar manakala lori akan dikembalikan selepas denda RM5,000 dibayar. Davamaran telah membayar denda berkenaan.

Kes dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar Roziman Awang Tahrin manakala Davamaran tidak diwakili peguam. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/12/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

Sasar 500,000 Peladangnya, 200,000 Peladang Muda

PUTRAJAYA: Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) berhasrat untuk melahirkan kira-kira 500,000 Peladangnya dan 200,000 Peladang Muda dalam tempoh tiga tahun lagi.

Pengerusinya, Datuk Zamri Yaakob berkata, sasaran itu ditetapkan memandangkan sektor berkenaan kini dilihat mampu menjana sumber pendapatan lumayan dan menggalakkan golongan muda menceburinya terutama lepasan universiti.

“Sektor pertanian kini mampu menjamin masa depan dan ia bukan seperti dahulu lagi kerana kami melihat peladang mampu meraih pendapatan lumayan antara RM10,000 hingga RM20,000 sebulan.

“Pengenalan Peladangnya dan Peladang Muda ini satu langkah baik, malah kami turut minta kerajaan beri sokongan kepada kelompok ini dari segi kewangan dan pelbagai bantuan lain.

“Buat masa ini, kami mula turun ke unit-unit Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) negeri bagi menggalakkan usahawan dan peladang menyertai Peladangnya dan Peladang Muda ini,” katanya dalam sidang akhbar sempena Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) kali ke-49, semalam.

Kata beliau, pihaknya turut menggalakkan anak-anak ahli LPP untuk menjadi ahli pertubuhan itu supaya mereka dapat akses kepada pelbagai kursus dan bantuan yang disediakan.

Zamri berkata, pihaknya mahu Peladang Muda ini mempunyai cita-cita lebih besar termasuk meneruskan legasi pertanian keluarga mereka.

Menurutnya, buat masa ini, Peladangnya terdiri daripada ahli peladang wanita yang berusia 40 tahun ke atas dengan jumlah keahlian kini mencecah 350,000 ahli orang.

Nafas tekad lahirkan 500,000 Peladangnita

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

PUTRAJAYA - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) berhasrat untuk melahirkan kira-kira 500,000 Peladangnita selain 200,000 Peladang Muda dalam tempoh tiga tahun lagi.

Pengerusinya, Datuk Zamri Yaakob berkata, sasaran itu ditetapkan memandangkan sektor pertanian kini dilihat mampu menjana sumber pendapatan lumayan.

Beliau berkata, pihaknya mahu menggalakkan golongan muda menceburi sektor pertanian terutama bagi lepasan graduan universiti.

"Sektor pertanian kini mampu menjamin masa depan dan ia bukan seperti dahulu lagi kerana kami melihat peladang mampu meraih pendapatan lumayan sekitar RM10,000 ke RM20,000 sebulan.

"Pengenalan Peladangnita dan Peladang Muda ini satu langkah baik, malah kami turut minta kerajaan beri sokongan kepada kelompok ini dari segi kewangan dan pelbagai bantuan lain.

"Buat masa ini, kami mula

turun ke unit-unit Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) negeri bagi menggalakkan usahawan dan peladang menyertai Peladangnita dan Peladang Muda ini," katanya pada sidang akhbar sempena Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Nafas kali ke-49 di sini semalam.

Kata Zamri, pihaknya turut menggalakkan anak-anak ahli LPP untuk menjadi ahli LPP supaya mereka dapat akses kepada pelbagai kursus dan bantuan yang disediakan.

"Buat masa ini, Peladangnita terdiri daripada ahli peladang wanita yang berusia 40 tahun ke atas dengan jumlah keahlian kini hampir mencecah 350,000 ahli.

"Peladang Muda pula terbuka kepada ahli peladang lelaki dan wanita yang berusia 18 tahun hingga 40 tahun dengan keahlian kini seramai 100,000 ahli," katanya.

Terdahulu, majlis perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Nafas disempurnakan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Haslina Abdul Hamid.



HASLINA (kanan) beramah mesra dengan peserta selepas Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Nafas ke-49 di Putrajaya semalam. - FAISOL MUSTAFA

Martabatkan wanita, orang muda

NAFAS lancar logo Peladangnya dan Peladang Muda

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN PUTRAJAYA**



HASLINA



Haslina menunjukkan isyarat 'bagus' selepas melancarkan Logo Peladangnya dan Peladang Muda, pada Rabu.

“

Dengan iltizam dan semangat juang tinggi serta amanah yang digalas bagi menjangkakan masa hadapan hampir 965,195 ahli peladang, 279 PPK dan 14 PPN, NAFAS menjadi institusi utama dan memberi sumbangan besar dalam memperjuangkan masyarakat peladang.”

Bersempena dengan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-49, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) melancarkan logo Pertubuhan Peladang Kebangsaan (PPK) Wanita (Peladangnya) dan Peladang Muda.

Majlis itu disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Haslina Abdul Hamid di sebuah hotel, dekat sini pada Rabu.

Turut hadir, Pengerusi Jemaah Nafas, Datuk Zamri Yaakob, Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang, Datuk Azulita Salim.

Logo Peladangnya yang diciptakan oleh Pensyarah Universiti Teknologi Mara Kedah, Zaidi Yusoff itu sebagai simbolik memartabatkan golongan wanita dalam kehidupan dan kerjaya.

Sementara itu, logo Peladang Muda pula simbolik kepada semangat dan kekuatan rantaian Kumpulan Peladang Muda Kebangsaan ciptaan oleh Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda, Mohd Kamal Ulum Morsin.

Pada majlis sama, NAFAS turut menerima replika cek bagi tambahan pelaburan Skim Pelaburan Khas Peladang - Dana Kebangsaan sehingga November.

PPK Kuala Selangor merekodkan pelaburan tertinggi iaitu RM6,062,364 disusuli PPK Simpang Lima (RM1,541,500) dan PPK Hutan Melintang (RM1,539,478).

Zamri ketika ditemui berkata, NAFAS menyasarkan keahlian lebih ramai lagi bagi kedua-dua sayap pertubuhan itu.

“Peladangnya mempunyai 350,000 keahlian yang terdiri daripada ahli wanita berusia 40 tahun ke atas manakala keahlian Peladang Muda seramai 100,000 terbuka kepada ahli peladang lelaki dan wanita berusia 18 hingga 40 tahun,” katanya.

Tingkatkan prestasi

Menurut Zamri, NAFAS sentiasa berusaha mempertingkatkan prestasi untuk menjadi lebih kukuh dengan mempelbagaikan aktiviti pelaburan alternatif serta meneroka produk pembiayaan baharu.

“NAFAS merupakan sebuah entiti yang unik dan mempunyai matlamat yang tersendiri dalam menjaga kepentingan masyarakat peladang walaupun terdapat pelbagai cabaran dan persaingan daripada industri luar,” ujarnya.

Beliau berkata, NAFAS mengimpikan keuntungan demi menjaga kepentingan ahli dalam konteks sosial dan kebajikan ahli.

“Dengan iltizam dan semangat juang tinggi serta amanah yang digalas bagi menjangkakan masa hadapan hampir 965,195 ahli peladang, 279 PPK dan 14 PPN, NAFAS menjadi institusi utama dan memberi sumbangan besar dalam memperjuangkan masyarakat peladang,” katanya.

Ujar Zamri, langkah itu bagi merangsang pertumbuhan ekonomi khususnya dalam sektor pertanian dan industri makanan lebih-lebih lagi dalam situasi semasa pasca pandemik.

“Walaupun kedengaran berat dan pahit, namun inilah kenyataan yang kita semua hadapi. Bermula dengan teretusnya pandemik Covid-19, sehingga ke hari ini merupakan tahun yang mencabar dengan situasi ketidaktentuan ekonomi dunia yang berlarutan,” katanya.

Sementara itu, Haslina dalam ucapannya berkata, penglibatan dan peranan NAFAS untuk menerajui keseluruhan rantaian nilai agromakanan perlulah dilihat dalam ruang lingkup yang lebih luas.

“Ia termasuklah mengambil kira kerjasama dengan pihak swasta yang saya percaya sudah pun menjadi antara agenda yang sedang dilaksanakan,” tambahnya.

Beliau berkata, MAFI berharap supaya dengan adanya rantaian nilai yang tangkas serta berdaya tahan, perniagaan dapat dipacu untuk menembusi ruang pasaran baharu bagi memenuhi bukan sahaja keperluan semasa negara, malah pada masa akan datang.



ZAMRI



Haslina menyaksikan penyampaian replika cek daripada PPK Kuala Selangor yang merekodkan pelaburan tertinggi iaitu RM6,062,364.



Sebahagian perwakilan yang hadir pada Mesyuarat Agung Tahunan Nafas Ke-49 Tahun 2022 di Putrajaya, pada Rabu.



Haslina (kanan) bersama Azulita (dua dari kanan) dan Zamri (kiri) ketika tiba di majlis berkenaan yang berlangsung di sebuah hotel di sini.

Sektor pertanian rugi RM12 juta akibat banjir



Azman ketika menjawab soalan pada sidang DUN di Kuala Terengganu pada Rabu.

KUALA TERENGGANU - Sektor pertanian Terengganu merokodkan kerugian sebanyak RM12 juta akibat bencana angin kuat, hujan lebat berterusan dan banjir bermula Disember 2021 sehingga Februari lalu sekali gus meninggalkan kesan mendalam kepada sekuriti makanan negen ini.

Exco Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Negeri Terengganu, Dr Azman Ibrahim berkata, sektor perikanan akuakultur mencatatkan kerugian paling besar iaitu RM8.56 juta melibatkan seramai 175 pengusaha.

Menurutnya, daripada jumlah

itu, 104 pengusaha adalah pemilik sangkar manakala bakinya penternak ikan kolam.

"Daerah paling terjejas adalah Kuala Terengganu, Hulu Terengganu dan Besut," katanya menjawab soalan **Datuk Rozi Mamat (BN-Telemong)** mengenai banjir yang

SIDANG DUN TERENGGANU

menjejaskan sektor penternakan ikan sangkar dan usaha kerajaan negeri dalam persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) pada Rabu.

Azman berkata, kerajaan negeri prihatin dengan musibah menimpa pemain sektor tersebut dan telah mengambil tindakan menyalurkan bantuan tunai berjumlah RM221,000 melalui

Tabung Bencana Pertanian Negeri.

Jelasnya, penternak yang terjejas turut menerima bantuan Program Pembangunan Semula Projek Agromakanan daripada kerajaan Persekutuan dalam bentuk peralatan dan input bernilai RM2.079 juta.

"Setiap penternak menerima bantuan bernilai antara RM5,000 hingga RM10,000 dan penyerahan telah dibuat pada 2 November lalu di Kampung Getang, Hulu Terengganu.

"Selain itu, kerajaan negeri turut membantu membuat penyelarasan dan penjadualan semula pinjaman dengan agensi pembiayaan seperti Agrobank dengan penternak," katanya.

Tengkujuh, sektor pertanian rugi RM12 juta

KUALA TERENGGANU – Sektor pertanian di Terengganu mengalami kerugian RM12 juta akibat bencana alam pada musim tengkujuh yang berlaku dari bulan Disember tahun lepas hingga Februari lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Terengganu, Dr. Azman Ibrahim berkata, ia memberi kesan besar terhadap kelangsungan sekuriti makanan negeri.

“Sektor perikanan akuakultur paling teruk terjejas apabila 175 pengusaha kerugian RM8.56 juta.

“Ia melibatkan tiga daerah iaitu Kuala Terengganu, Hulu Terengganu dan Besut,” katanya ketika menjawab soalan lisan Datuk Rózi Marnat (BN-Telepong) pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu di sini semalam.

Dalam perkembangan sama, Azman (Pas-Jabi) memberitahu, semua pemain sektor pertanian terjejas menerima

SIDANG DUN TERENGGANU



bantuan kecemasan berjumlah RM221,000 yang disalurkan menerusi Tabung Bencana Pertanian Negeri Terengganu.

Tambahnya, mereka turut menerima bantuan peralatan dan input berjumlah keseluruhan RM2.079 juta daripada Kerajaan Persekutuan menerusi program Pembangunan Semula Projek Agromakanan.

“Setiap pengusaha terlibat menerima bantuan antara RM5,000 hingga RM10,000 bergantung kepada kerugian.

“Mereka juga menikmati penjadualan semula pinjaman dengan agensi pembiayaan seperti LPP (Lembaga Pertubuhan Peladang) dan Agrobank,” ujarnya.



DR. AZMAN menjawab soalan pada Sidang Dewan DUN Terengganu di Kuala Terengganu semalam.

1/12/2022

SINAR
HARIAN

SUARA

16

Nota Di Sebalik Tabir

Bersama MERAK JALANAN

AWAL tahun ini, kita berdepan dengan masalah kekurangan bekalan telur ayam di pasaran sehingga peniaga terpaksa buat catuan pembelian. Bila stok kurang, harga telur pun melambung.

Bila harga telur naik, harga makanan berasaskan telur turut naik. Peniaga dan penjual sakit kepala, pembeli pula sakit poket nak berbelanja.

Merak Jalanan juga pening kepala bila nak beli telur di kedai. Tauke cakap, bekalan tak cukup dan kalau stok sampai pun cepat habis dijual.

Katanya, punca kekurangan bekalan disebabkan pemain industri mengalami masalah pengeluaran kerana impak pandemik Covid-19, sebab itu telur kurang di pasaran. Kerajaan melalui KPDNHEP dan MAFI telah bermesyuarat dengan pemain-pemain industri untuk menyelesaikan isu bekalan telur ayam ini.

Selepas sesi perbincangan dan sesi mesyuarat, akhirnya pada pertengahan tahun ini, masalah kekurangan bekalan telur ayam dapat diselesaikan. Bila bekalan sudah cukup, harga telur pun

kembali stabil.

Tapi sejak beberapa bulan lepas, isu kekurangan bekalan telur berlaku lagi. Sudahlah bekalan kurang, harga pula melambung tinggi. Merak Jalanan sendiri terkejut kerana pernah beli telur ayam di kedai dengan harga mencecah RM18 sepapan.

Masalah telur ini berlarutan sampai lah selepas minggu lalu. Tapi yang peliknya, bila habis PRU15, tiba-tiba belakap 'muncul' dengan banyak semula di pasaran. Tapi harganya tetap mahal.

Sekejap ada telur, sekejap tak ada telur

Maka Merak Jalanan tertanya-tanya, siapa sebenarnya yang kawal bekalan telur ini? Kerajaan atau pemain industri?

Ada jugalah dakwaan wujud kartel telur ayam yang menguasai pasaran sampai kerajaan pun tak boleh nak kawal. Kalau betulah dakwaan itu, Merak Jalanan gesa kerajaan supaya selesai kan ini segera supaya tidak lagi menyusahkan rakyat.

Jangan biarkan kumpulan kartel bermain taktik licik untuk dapat untung besar.



TERDAPAT pelbagai sebab telur bekurang termasuk permintaan meningkat berbanding pengeluaran.

Kenakan denda berjuta-juta ringgit jika sorok telur

SAUDARA PENGARANG,

SEJAK kebelakangan ini, bekalan telur ayam di seluruh negara sering terganggu. Orang awam semakin sukar untuk mendapatkan bekalan telur ayam.

Tambahan pula, telur ayam menjadi keperluan isi rumah apabila beberapa jenis ikan mengalami kenaikan harga sejak awal bulan ini susulan musim Monsun Timur Laut.

Pelbagai andaian dibuat sama ada oleh pengeluar mahupun peniaga. Antaranya permintaan meningkat berbanding pengeluaran telur ayam yang semakin berkurangan.

Selain itu, terdapat andaian meyakini ramai penternak mahupun peladang mengencilkan saiz operasi ataupun menutup operasi kerana keuntungan diterima tidak tinggi dan tidak dapat menampung kos menternak ayam.

Bahkan terdapat penternak tidak mahu menanggung risiko untuk menternak kerana musim banjir yang melanda negara. Sekiranya benar segala andaian di atas, kerajaan yang baru dipilih rakyat perlu merangka mekanisme terbaik dan mampan dalam menangani isu ini.

Sebaliknya jika isu ini disebabkan berlakunya monopoli dan perbuatan menyorok barangan kawalan, maka penguatkuasaan undang-undang perlu ditingkatkan.

Perbuatan menyorok barangan kawalan boleh menyebabkan ketirisan berlaku sehingga menimbulkan pembelian panik dalam kalangan orang awam.

Secara umumnya, telur ayam telah disenaraikan sebagai barang kawalan harga di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHHMP) semenjak 5 Februari lalu.

Mekanisme ini dilaksanakan untuk mengekang peningkatan harga ayam dan telur ayam secara mendadak di pasaran terutama selepas musim perayaan.

Apabila telur ayam diwartakan sebagai barang kawalan, undang-undang yang berkuat kuasa dalam menangani sebarang isu bekalan telur ayam ini ialah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Akta ini memperuntukkan sejumlah kesalahan dan hukuman sekiranya berlaku penyelewengan bekalan telur ayam.

Mana-mana individu yang melakukan kesalahan berkaitan bekalan telur ayam jika sabit kesalahan pertama, mereka berdepan hukuman tidak melebihi RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. Bagi kesalahan kedua dan seterusnya, hukuman tidak melebihi RM3 juta atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Syarikat yang melakukan kesalahan di bawah akta ini jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM2 juta dan bagi kesalahan kedua dan seterusnya boleh didenda tidak melebihi RM5 juta.

Secara tuntasnya, kerajaan perlu sentiasa membuat pemantauan untuk memastikan bekalan barangan dalam negara mencukupi supaya harganya terus kekal stabil.

Selain itu, tindakan tegas perlu diambil sekiranya mana-mana pihak didapati gagal mematuhi undang-undang sedia ada.

Pengguna juga perlu menjadi mata dan telinga pihak berkuasa untuk melaporkan sebarang salah laku berhubung gangguan bekalan makanan.

DR. MUHAMMAD HAFIZ BADARULZAMAN
Pusat Pengajian Undang-Undang
Universiti Utara Malaysia (UUM)



TELUR ayam berkurangan di pasaran dijangka berlaku sehingga tahun depan. - GAMBAR HIASAN



SEBAHAGIAN pengguna yang mendapatkan bekalan telur untuk kegunaan harian dan berniaga.

Kekurangan bekalan didakwa sebab kos operasi meningkat, untung hanya sedikit

Tahun depan belum tentu ada telur

Oleh LUQMAN RIDHWAN
MOHD. NOR

MANJUNG – Bekalan telur ayam dijangka kekal berkurangan dan sukar diperolehi dalam pasaran tempatan sehingga tahun depan.

Jurucakap salah sebuah syarikat penternakan ayam telur di Manjung berkata, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan pengeluaran komoditi itu tidak dapat ditingkatkan.

Salah satu daripada faktor itu, menurutnya, adalah kos operasi yang tinggi bagi mengusahakan

perniagaan berkenaan, namun pulangan diterima adalah rendah.

Katanya, antara kos terlibat dalam operasi tersebut ialah harga bahan mentah bagi makanan ayam seperti jagung iaitu salah satu komponen dedak.

"Syarikat kami membeli jagung dari luar negara iaitu Argentina dan Brazil dengan kos bagi setiap kilogram (kg) jagung adalah RM1.80 per kg.

"Setiap bulan, kami memerlukan kira-kira 500 tan jagung bagi penghasilan dedak ayam.

Itu tidak termasuk bahan-bahan lain seperti susu bagi ternakan berkenaan," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Pada masa sama, jurucakap itu berkata, dia berharap mata wang negara kembali kukuh kerana segala pembelian tersebut dilakukan dalam nilai dolar Amerika Syarikat (AS\$).

Dalam pada itu, ujarnya, syarikatnya mula mengurangkan jumlah ayam telur di ladang sejak Mac lalu akibat kos operasi yang tinggi.

Katanya, ia menyebabkan syarikatnya hanya mengeluarkan

kira-kira 230,000 berbanding 270,000 biji telur sehari dan keadaan itu dijangka berterusan sehingga tahun depan.

"Buat masa ini, hanya itu jumlah telur yang boleh dihasilkan kerana untuk menambah jumlah ayam telur bukan murah. Pembinaan reban bagi 40,000 ekor ayam sahaja kosnya mencecah RM1.5 juta.

"Tu pun tidak termasuk lain-lain kos operasi reban ayam baharu tersebut," katanya.

Menurutnya, seekor ayam telur memakan masa 20 minggu

dari saat ia menetas untuk dibesarkan sebelum mampu bertelur bagi 60 minggu berikutnya.

"Seekor ayam mampu bertelur sekitar 350 biji telur dalam tempoh 60 minggu berkenaan. Kami perlu menguruskan haiwan itu selagi ia berkemampuan bertelur.

"Selepas itu, kami akan menjualnya sebagai ayam tua, namun jika permintaan terhadap telur tinggi, haiwan itu akan disiripkan selagi masih boleh bertelur. Kemudian ia baharulah ia dijual," katanya.

Isu telur didakwa untuk beri tekanan kepada kerajaan



NOTIS kekurangan bekalan telur yang dipamerkan di sebuah pasar raya sekitar Chow Kit, Kuala Lumpur. - AMIR KHALID

PETALING JAYA – Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) tidak menolak kemungkinan isu kekurangan bekalan telur ayam sengaja ditimbulkan oleh pihak industri untuk memberi tekanan kepada kerajaan.

Timbalan Presidennya, Mohd. Yusof Abdul Rahman berkata, pihak industri berkemungkinan mahu beri tekanan kepada kerajaan supaya menamatkan kawalan harga telur ayam atau terus memberi subsidi telur.

Ujar Mohd. Yusof, keadaan itu berlaku ekoran peningkatan kos ternakan menyebabkan pihak industri berasaskan perniagaan telur ayam tidak berbaloi.

"Pengeluaran telur ayam tetap ada kecuali berlaku kes penyakit. Jadi kita tak nampak mengapa pengeluaran telur ayam boleh berkurangan.

"Kerajaan kena tengok secara menyeluruh isu ini. Keadaan ini tidak akan selesai sekiranya pihak industri mahu terus memberi tekanan.

"Pasaran kita pasaran terbuka. Kerajaan tiada kuasa untuk campur tangan dalam perniagaan, cuma kerajaan boleh wujudkan dasar tertentu.

"Kerajaan perlu cari situasi menang-menang atau meneruskan rancangan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) terlibat dalam ter-

nakan," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi pada 1 November lalu memaklumkan kerajaan bersetuju menaikkan kadar subsidi bagi telur ayam gred A, B, dan C sebanyak 2 sen.

Kadar subsidi telur ayam di peringkat ladang berubah daripada 8 sen sebiji kepada 10 sen sebiji supaya harga kawalan runcut kekal bagi telur gred A, B, dan C.

Kos pengeluaran ayam dipercayai meningkat selaras kenaikan kos input semasa selain kawalan harga yang berpanjangan menjadi faktor gangguan pasaran.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/12/2022	UTUSAN MALAYSIA	GAYA INOVASI	26



NOR AZMAN KASAN



INOVASI ini dijangka mampu mengubah landskap penternakan udang secara komersial di negara ini.

LITOPENAEUS VANNAMEI

- » Litopenaeus vannamei atau udang putih, antara komoditi perikanan yang memiliki nilai ekonomi tinggi.
- » Faktor utama menghalang peningkatan penghasilan udang putih ialah kualiti air yang disebabkan oleh akumulasi senyawa amonia dan nitrit yang bersifat toksik.
- » Teknologi bioflok dijangka mampu menurunkan amonia dan nitrit serta meningkatkan efisiensi pemanfaatan nutrisi.



PASUKAN penyelidik sedang melakukan pengiraan komposisi bakteria dalam penghasilan teknologi biofloc.

Inovasi merubah landskap ternakan udang komersial

Oleh KAMALIZA KAMARUDDIN
 gayautusan@mediamula.com.my

SEKUMPULAN penyelidik Universiti Malaysia Terengganu (UMT) mencipta sejarah dengan menampilkan prototaip sistem baharu yang lebih canggih dan mudah untuk penternakan udang, *Indoor Multi-Techno Aquaculture System* (Imtas). Perhasilan itu bertujuan mengubah landskap penternakan udang secara komersial di negara ini yang dijangka berupaya meningkatkan tahap pengeluaran udang sekali gus mengekalkan kestabilan pasaran udang dalam negara.

Ketua Penyelidik Imtas, Prof. Madya Ts. Nor Azman Kasan berkata, kaedah digunakan itu bakal memberi pulangan yang lebih lumayan berbanding kaedah ternakan tradisional.



UDANG bersaiz premium dihasilkan melalui projek imtas.

Sistem dibangunkan dengan dana RM150,000 itu mengadaptasikan

kecanggihan teknologi dalam meningkatkan kecekapan operasi dengan pemantauan

secara minima.

"Imtas mengaplikasikan sistem *Re-Circulating Aquaculture System* (RAS) dan teknologi *biofloc* serta melibatkan penggunaan *Internet of Things* (IoT) sebagai kaedah pemantauan kualiti air secara lebih sistematik.

"Ia turut menggunakan ternakan rumput laut atau lebih dikenali sebagai latok (*Caulerpa sp.*) dalam sistem tertutup, sebagai salah satu sistem ternakan polikultur bersama-sama ternakan udang marin.

"Secara tidak langsung sistem ini akan dapat menjana pulangan lebih lumayan berbanding kaedah monokultur penghasilan rumput laut," katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

KAEDAH UDANG MARIN
 Inovasi berkenaan, berupaya membuka lembaran baharu kepada industri

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/12/2022	UTUSAN MALAYSIA	GAYA INOVASI	27



Sistem yang bakal diperkenalkan itu boleh dipantau secara jarak jauh melalui aplikasi telefon pintar yang turut berupaya meminimumkan kadar kematian udang dengan pemantauan berterusan dan efisien."

ternakan udang negara yang masih bergantung pada penggunaan kolam tanah secara konvensional.

Katanya, *Rapid biofloc* (Rapid BFTTM) yang digunakan pada sistem penternakan Imtas itu adalah produk inovasi UMT yang berteraskan teknologi microb (bakteria) bagi sistem kawalan kualiti air.

"Imtas juga boleh diaplikasikan pada keluasan kawasan ternakan secara maksima sesuai bagi ternakan udang marin pada skala komersil.

"Kecekapan sistem kawalan kualiti air hasil gabungan inovasi dan aplikasi IoT memudahkan pengusaha mengurus dan menyelia ternakan udang yang berskala besar disamping penggunaan air yang sedikit berbanding kaedah terdahulu," katanya.

Imtas adalah salah satu penyelidikan inovasi baharu yang berjaya dihasilkan Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (Hicoe) Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan (Akuatrop) UMT dalam membangunkan sistem ternakan berteknologi tinggi secara tertutup di negara ini.

Selain itu katanya, sistem yang bakal diperkenalkan itu boleh dipantau secara jarak jauh melalui aplikasi telefon pintar yang turut berupaya meminimumkan kadar kematian udang dengan pemantauan berterusan dan efisien.

"Ia turut berupaya mengurangkan jangkitan patogen dari sumber air baharu yang masuk secara berterusan akibat penyakit bawaan air yang mengandungi patogen berbahaya," katanya.



IA berupaya mengurangkan jangkitan patogen dari sumber air baharu yang mengandungi patogen kepada udang.



IMTAS akan dapat meningkatkan penghasilan pengeluaran udang pada kadar yang maksimum dengan kuantiti yang banyak dan stabil.

Impak alam sekitar

MENGENAL impak jangka panjang, Nor Azman berkata Imtas akan dapat meningkatkan penghasilan pengeluaran udang pada kadar yang maksimum dengan kuantiti yang banyak dan stabil.

Pada masa sama teknologi ini membantu dalam menggalakkan lagi pembangunan sistem ternakan berteknologi tinggi yang berskala besar, dalam usaha melahirkan lebih ramai usahawan baharu terutama dalam kalangan generasi muda.

"Secara tidak langsung ia dapat meminimumkan impak negatif terhadap alam sekitar akibat pembukaan tanah

baharu untuk menghasilkan kolam-kolam ternakan dan pelepasan air buangan daripada kolam ternakan," katanya.

Tegasnya, produk berkenaan bakal mewujudkan dimensi baharu sistem ternakan kepada industri akuakultur lain dan tidak terhad hanya kepada ternakan udang putih, *Litopenaeus vannamei* sahaja.

Projek prototaip berkenaan, bakal direalisasikan bersama-sama pemain industri akuakultur terkemuka, Serandu Aquaponic System Sdn. Bhd. (SERANDU) melalui perjanjian persefahaman yang telah dimeterai baru-baru ini di kampus Kuala Nerus.



PELEPASAN benih udang putih *Litopenaeus vannamei*.